

24/06/1998

Eleksuria kenderaan Sukom

KUALA LUMPUR, Selasa- Beratus-ratus kenderaan elektrik pertama buatan Malaysia akan digunakan pada Sukan Komanwel September ini, sesuai dengan konsepnya yang mesra alam.

Kereta elektrik pertama itu, 'Eleksuria', dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohamad Ali, berkata pemilihan kenderaan jenis itu akan memastikan tahap kesihatan atlit, terjamin.

Selain membantu menggalak dan mempromosi kereta elektrik buatan tempatan, kenderaan itu, katanya sesuai digunakan bagi acara di luar stadium, terutama maraton dan lumba basikal.

"Penggunaannya akan membenarkan atlit menyedut udara bersih," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Kempen Kebersihan Sempena Sukan Komanwel XVI, di Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Heng Ding.

Hashim berkata, kereta elektrik itu akan digunakan sebagai kenderaan pendahulu bagi membawa pegawai pertandingan dan media massa yang membuat liputan, selain mengangkut atlit dari perkampungan sukan ke gelanggang.

Ia dihasilkan secara usaha sama oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan Frazer-Nash Research Ltd di United Kingdom.

(END)